

PENGURUSAN HARTA PUSAKA DI BAWAH AKTA HARTA PUSAKA KECIL (PEMBAHAGIAN) 1955 – AKTA 98

1. LATARBELAKANG

Peranan Pentadbiran Tanah dalam menguruskan harta Pusaka Kecil di Malaysia telah bermula pada tahun 1955 dengan kelahiran Ordinan (Pembahagian) Pusaka Kecil – Akta 98. Sejak tarikh tersebut kuasa mendengar dan memutuskan pembahagian (*distribution*) harta pusaka melibatkan harta tanah telah berpindah sebahagiannya dari Mahkamah ke Pejabat Tanah. Pemungut Hasil Tanah pada ketika itu diberi kuasa mendengar dan memutuskan permohonan pembahagian pusaka.

Dengan kelahiran Ordinan (Pembahagian) Pusaka Kecil tersebut, maka beberapa enakmen dan peruntukan negeri-negeri yang diguna pakai bagi maksud pentadbiran dan pengurusan harta pusaka seperti The Small Estates Enactment (Johor) 1936, The Administration Enactment 1930 (Kelantan)-seksyen 23, The Land Enactment 1356 (Perlis)-seksyen 90 dan lain-lain lagi dimansuhkan (*repeal*).

Sebagai sebuah Ordinan Persekutuan, pemakaian Ordinan (Pembahagian) Pusaka Kecil 1955 telah sekaligus menyeragamkan pengurusan dan pentadbiran pusaka kecil di Malaysia. Para penggubal dalam usaha memelihara kepentingan pewarisan anak negeri telah membuat “*modification*” tertentu khusus untuk beberapa negeri. Diantaranya “Peruntukan Khas Negeri Sembilan”, “Peruntukan Khas Negeri Sabah” dan “Peruntukan Khas Negeri Pulau Pinang”.

Semenjak itu Ordinan merupakan mekanisma perundangan terbaik yang berupaya mengimbangi perbezaan dan percanggahan amalan dan peraturan terutamanya melibatkan prosedur dan proses kerja penyelesaian pusaka diantara sebuah negeri dengan negeri lain.

2. BIDANG KUASA BERKAITAN HARTA PUSAKA

Kuasa menguruskan harta pusaka kecil diletakan dibawah pengurusan Kerajaan Persekutuan bersandarkan peruntukan Jadual Kesembilan, Senarai ke 2, Perkara 4(e)(1) yang menggariskan:

“...pewarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat, probet dan surat mentadbir pusaka sebagai senarai Persekutuan.”

Perkara 4(e)(2) pula meletakkan hal-hal berkaitan undang-undang diri orang Islam berhubung pemberian atau pewarisan harta berwasiat dan tak berwasiat kepada Kerajaan Negeri.

Kuasa mengurus dan menyelesaikan harta pusaka kecil diberikan dibawah Seksyen 4(1) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (APPK 1955) iaitu:

“Kecuali sebagaimana Akta ini memperuntukan sebaliknya, tiada kepentingan didalam apa-apa harta pusaka kecil membolehkan penurunan milik atau perletakan hak kepada mana-mana orang menurut kuasa mana-mana instrumen selain daripada satu perintah atau pemberian yang dibuat dibawah Akta ini”.

3. PENGURUSAN HARTA PUSAKA DI MALAYSIA

Di Malaysia urusan penyelesaian harta pusaka menjadi tanggungjawab 4 Jabatan/agensi iaitu:-

- i) Mahkamah Tinggi
- ii) Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian
- iii) Amanah Raya Bhd.
- iv) Jabatan atau agensi yang terlibat dengan harta berkaitan.

Bentuk tanggungjawab di antara 4 Jabatan/agensi di atas diberikan oleh fizikal/bentuk harta pusaka yang ditinggalkan simati dan bidang kuasa perundangan yang dipakai oleh agensi-agensi berkaitan. Keadaan ini menjadikan amalan di Malaysia agak berbeza dengan amalan di beberapa negara jiran yang meletakkan kuasa membahagikan pusaka (*judicial power*) hanya kepada Mahkamah Tinggi.

Fizikal harta pusaka yang membezakan status perundangan yang dipakai, dapat dibahagikan kepada 3 kategori :-

- i) Harta Pusaka berwasiat (*testate estate*) atau tidak berwasiat (*intestate estate*) sama ada simati sebelum mati telah menyediakan wasiat yang dilaksanakan mengikut kehendak-kehendak Ordinan Wasiat No. 38/1959 (Will Ordinance No. 38/1959) ataupun wasiat yang disahkan oleh Mahkamah Syariah bagi orang Islam atau tidak meninggalkan sebarang wasiat.
- ii) Nilaian keseluruhan harta yang ditinggalkan.
- iii) Jenis harta yang ditinggalkan.

Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Probate and Administration Act 1959) dan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 Small Estates (Distribution) Act 1955 telah menjelaskan bahawa sebarang harta simati yang ditinggalkan melalui wasiat adalah terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi. Prosedur pelaksanaan harta berwasiat ini dijelaskan dibawah Akta Probet dan Pentadbiran 1959. Harta simati yang sebahagiannya berwasiat dan sebahagian yang lain tidak berwasiat adalah termasuk dibawah kategori diatas.

Bagaimanapun status wasiat melibatkan harta orang-orang Islam tidak dipakai dalam menentukan bidang kuasa pembahagian pusaka. Dalam hal ini hanya nilai dan bentuk harta simati akan menentukan bidang kuasa jabatan dan agensi tersebut.

<u>Bentuk Harta Pusaka</u>	<u>Pihak Berkuasa Yang Menguruskan Pembahagian</u>
A) Simati meninggalkan harta-harta alih sahaja dan jumlah nilainya tidak melebihi RM 600,000.00 – harta pusaka ringkas.	Amanah Raya Berhad (dahulunya dikenali Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pentadbir Pusaka Malaysia).
B) Simati meninggalkan harta-harta tidak alih sahaja atau harta-harta tidak alih bersama dengan harta-harta alih dan jumlah nilainya tidak melebihi RM 2 juta – harta pusaka kecil. Seksyen 3 (2) APPK 1955	Pejabat Pembahagian Pusaka Kecil JKPTG / Pejabat Tanah.
C) Si mati meninggalkan harta-harta alih sahaja, atau harta-harta tidak alih sahaja, atau harta-harta tidak alih bersama harta-harta alih dan jumlah nilainya melebihi RM 2 juta atau kurang dari RM 2 juta bagi harta bukan Islam yang meninggalkan wasiat – harta pusaka besar/biasa – Seksyen 8 (7) APPK 1955	Mahkamah Tinggi (Melalui Peguam atau Amanah Raya Berhad).

Kesemua permohonan yang diterima akan dirujuk kepada Pendaftar Pusat Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur supaya fail permohonan direkodkan dan dengan itu dapat dikesan jika laju sekiranya telah ada permohonan yang terdahulu ataupun di tempat lain. (Permohonan melalui Borang B dan jawapan daripada Mahkamah Tinggi melalui Borang C).

Bagi harta orang-orang Islam permohonan yang diterima dari tiga pihak berkuasa berkenaan dalam keadaan tertentu akan dirujuk kepada Mahkamah Syariah di negeri masing-masing terlebih dahulu untuk mendapatkan sijil faraid, keputusan tentang harta pencarian, kesahihan mengenai sesuatu wasiat dan lain-lain persoalan yang berkaitan dengan undang-undang Islam/hukum syarak.

4. TAKRIF PUSAKA

Secara keseluruhannya pusaka (*estates*) boleh ditakrifkan sebagai sama ada harta tak alih atau harta alih yang ditinggalkan oleh seseorang yang kematianya telah dibuktikan di bawah undang-undang.

Harta tak alih (*immovable properties*) ditakrifkan dibawah Interpretation Act 1957 sebagai tanah dan sebarang kepentingan yang diperolehi dari tanah, manakala harta alih (*movable properties*) adalah terdiri daripada lain-lain harta selain dari tanah. Ianya termasuklah wang simpanan, saham, kenderaan, barang-barang kemas dan sebagainya. Ketua Pengarah Tanah dan Galian telah memperjelaskan bentuk-bentuk harta tak alih yang boleh dijadikan sebahagian daripada pusaka kecil melalui pekeliling KPTG Bil 18 tahun 1976.

4.1 Pusaka Kecil

Tafsiran yang diberikan dibawah Seksyen 3(2) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 menerangkan harta pusaka kecil sebagai harta peninggalan simati mengandungi **kesemuanya atau sebahagiannya adalah harta tak alih terletak dimana-mana negeri** dan jumlah nilai keseluruhannya tidak melebihi RM 2 juta pada tarikh permohonan dibuat. Tanpa terikat kepada batasan nilai yang dinyatakan, sebarang harta simati orang-orang bukan Islam yang mengandungi wasiat atau “*testamentary disposition*” dibawah Akta Wasiat No. 38 Tahun 1959 bukan lagi ditakrifkan sebagai pusaka kecil. Ianya dianggap sebagai pusaka besar dan menjadi tanggungjawab Mahkamah Tinggi untuk mengeluarkan Surat Kuasa Tadbir (*Letters of Administration*). Bagaimanapun peruntukan tidak boleh dipakai bagi kematian seorang Islam kerana ianya bertentangan dengan syarat dan peraturan wasiat dalam Islam.

Harta Pusaka Kecil juga mensyaratkan sebahagian atau keseluruhan harta simati hendaklah berupa harta tak alih. Bagi simati yang mempunyai harta alih semata-mata, walaupun nilainya kurang dari RM 2 juta ianya tidak tergolong sebagai harta pusaka

kecil. Penyelesaian bagi harta pusaka sebegini adalah menjadi tanggungjawab Amanah Raya Bhd ataupun Mahkamah Tinggi berdasarkan jumlah nilai harta berkenaan.

Sesetengah jabatan atau agensi mempunyai peraturan dan kuasa tertentu untuk membuat pembayaran langsung kepada waris diatas harta alih simati. Kebiasaannya hanya melibatkan harta dengan jumlah nilai tertentu sahaja walaupun terdapat juga diantaranya tidak membataskan nilai tersebut. Pekeliling perbendaharaan Bil. 2 tahun 1986 menjelaskan jenis-jenis harta ringkas yang ditinggalkan simati yang nilainya kurang dari RM2,000.00 dan tindakan yang perlu dipatuhi dalam membuat pembayaran.

Jabatan-jabatan lain seperti Tabung Haji, Amanah Saham Nasional, Amanah-Amanah Saham Negeri mempunyai prosedur yang tersendiri dalam pengeluaran simpanan dan saham ahli yang meninggal dunia.

5. HAK DI ATAS HARTA APABILA PEMILIKNYA MATI/MENINGGAL DUNIA:

- 5.1 Apabila pemilik harta itu meninggal dunia tidaklah secara otomatis harta-harta yang di tinggalkannya menjadi milik kepada waris si mati. Pihak pengadilan yang akan menentukan siapakah waris-waris yang berhak dan berapakah bahagian waris-waris tersebut.
- 5.2 Proses untuk menuntut harta-harta si mati sama ada harta alih dan tidak alih dikenali dengan pelbagai nama tetapi maksud dan tujuannya sama saja seperti:

Permohonan pembahagian pusaka, permohonan bicarakuasa, permohonan mendapatkan surat kuasa, permohonan surat kuasa pentadbiran, permohonan surat kuasa probate, permohonan faraid, permohonan untuk bahagi tirkah, permohonan untuk menurunkan harta, permohonan harta melalui pindahan, permohonan tukar nama dan sebagainya.

6. BILAKAH PERMOHONAN PUSAKA PERLU DIBUAT

- 6.1 Tiada ketetapan masa, pantang larang (sama ada dari segi undang-undang ataupun agama) untuk menge-mukakan permohonan pembahagian pusaka selepas berlakunya kematian.
- 6.2 Permohonan perlu dibuat dengan segera supaya:-
- 6.2.1 Memudahkan proses pembahagian pusaka.
- 6.2.2 Membolehkan harta pusaka di manfaatkan dengan segera bagi faedah waris-waris.
- 6.2.3 Mengelakkan berlakunya tanah-tanah terbiar. Sekiranya ada proses pengambilan balik tanah, memudahkan duit pampasan dibayar dengan segera kepada pemilik-pemiliknya.
- 6.2.4 Mengelakkan bilangan waris yang ramai akibat kematian waris-waris yang berlapis.
- 6.2.5 Mengelakkan wang simpanan simati dalam mana-mana institusi kewangan atau koperasi, saham-saham dalam syarikat, bon-bon kerajaan dipindahkan kepada Perbendaharan melalui Akta Wang Tidak Di Tuntut 1965.

7. CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- 7.1 Menggunakan Borang A dan perkara-perkara yang perlu dinyatakan dalam permohonan tersebut ialah nama, tarikh dan tempat tinggal simati, butir-butir harta tidak alih dan harta alih, butir-butir hutang dan piutang simati, senarai nama-nama waris, umur, alamat dan hubungannya dengan si mati, tarikh permohonan dibuat dan ditandatangani tandatangan.

7.2 Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan:-

- 7.2.1 Bukti kematian - perakuan kematian (surat mati), atau permit menguburkan si mati, atau perintah anggapan kematian melalui Mahkamah Tinggi.
- 7.2.2 Bukti simati mempunyai pemilikan di atas harta tersebut seperti salinan hakmilik (geran), resit cukai tanah, sijil carian rasmi, surat perjanjian jual-beli, salinan sijil-sijil saham, salinan hakmilik kenderaan, salinan buku akaun simpanan, permit senjata api dan sebagainya.
- 7.2.3 Dikehendaki juga salinan kad pengenalan, sijil kelahiran waris-waris si mati, salinan surat nikah isteri atau suami si mati.

8. MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

- 8.1 Permohonan hendaklah dikemukakan ke Pejabat Tanah di mana harta tidak alih (tanah) simati itu terletak. (Bersama-sama dengan harta alih yang lain).
- 8.2 Sekiranya simati meninggalkan harta tidak alih (tanah) di daerah yang lain sama ada di negeri yang sama atau negeri yang berlainan, permohonan hendaklah dikemukakan ke satu tempat sahaja iaitu ke Pejabat Tanah di mana nilai harta tanah/rumah simati paling tinggi.

9. SIAPAKAH YANG BOLEH MEMBUAT PERMOHONAN (BERDASARKAN SEKSYEN 8 (1) APPK 1955

- 9.1 Mereka yang berikut adalah layak untuk membuat permohonan:

- 9.1.1 Waris-waris simati seperti bala lelaki atau perempuan, anak lelaki atau perempuan, ibu atau bapa simati, adik beradik simati sama ada lelaki atau perempuan, baitulmal (Majlis Agama Islam).

9.1.2 Pemutang / orang yang memasukkan kaveat persendirian diatas harta simati.

9.1.3 Pembeli melalui surat perjanjian jual beli yang sah.

9.1.4 Pemegang gadaian atau pemegang pajakan (institusi kewangan yang memberi pinjaman).

9.1.5 Penghulu atau Pegawai Petempatan yang di arahkan oleh Pentadbir Tanah (Seksyen 18) APPK 1955.

9.1.6 Amanah Raya Berhad.

10. PROSEDUR SEMASA PERBICARAAN

- 10.1 Semua waris yang berkenaan dikehendaki hadir di hari perbicaraan. Orang-orang lain yang ada kepentingan boleh juga hadir memberi keterangan dengan izin / kebenaran. (Notis permintaan dan pembicaraan – Borang D Seksyen 9 (1) APPK 1955) bagi Permohonan Baru (Seksyen 8) dan Borang S, Permohonan Berikutnya (Seksyen 17) APPK 1955.
- 10.2 Mana-mana pihak yang tidak dapat hadir boleh menandatangani surat persetujuan dengan menggunakan borang yang telah disediakan, dan ditandatangani dihadapan pesuruhjaya sumpah, majistret.
- 10.3 Semua dokumen asal seperti bukti kematian, hakmilik tanah, kad pengenalan, surat beranak, surat nikah, bukti-bukti harta alih dan dokumen-dokumen lain yang difikirkan perlu hendaklah dibawa semasa perbicaraan.
- 10.4 Semua keterangan yang diberikan semasa perbicaraan hendaklah secara bersumpah ikrar.

11. PEGUAMBELA DAN PEGUAMCARA

Tidak berhak hadir perbicaraan bagi mewakili mana-mana pihak melainkan mendapatkan kebenaran. – Seksyen 31(1) APPK 1955.

12. CARA PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA

- 12.1 Bagi orang Islam, prinsip pembahagian adalah mengikut hukum syarak. Bahagian waris-waris ditentukan mengikut faraid (Surah Al – Nisa' ayat 11, 12 dan 176 Al-Quran).
- 12.2 Bagi harta simati orang bukan Islam, penentuan dan bahagian waris-waris adalah mengikut Akta Pembahagian 1958 (Di semak 1983) atau Akta No. 300/1997 dan Akta Pindaan No. 29/1997.
- 12.3 Pembahagian bagi tanah-tanah Felda, Rancangan Tanah Pinggir, Rancangan Tanah Negeri yang terta'alok dibawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 tidak boleh diturunkan kepada lebih dari dua (2) orang. Sekiranya tidak ada persetujuan, dikeluarkan perintah dengan melantik seorang waris sebagai pentadbir bagi memberi peluang kepada mereka untuk bermuafakaat atau mengganti bahagian waris-waris lain mengikut nilai yang sepatutnya.
- 12.4 Jika simati meninggalkan tanah di Daerah Rembau, Kuala Pilah, Jelebu, Jempol, dan Tampin simati serta waris-warisnya salah satu anggota suku daripada suku dua belas di Negeri Sembilan pembahagian pusakanya adalah terta'alok kepada Bahagian III Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955.
- 12.5 Pembahagian boleh juga dibuat mengikut muafakat yang dicadangkan oleh pemohon dan dipersetujui oleh semua waris selagi muafakat itu tidak bertentangan dengan undang-undang.

13. ANGGARAN JANGKAMASA MEMPROSES SESUATU PERMOHONAN

- 13.1 Jangkamasa minima memproses sesuatu permohonan bagi kes yang mudah, kematian satu lapis dan tidak ada pertelingkahan adalah lebih kurang 5 $\frac{1}{2}$ bulan.
- 13.2 Bagi kes yang melibatkan kematian berlapis-lapis, harta-harta simati di dalam daerah yang berlainan, waris-waris ada pertelingkahan maka jangkamasa memproses dan menyelesaikannya adalah melebihi tempoh di atas.

14. RAYUAN TERHADAP PERINTAH PEMBAHAGIAN

- 14.1 Mana-mana pihak yang terkilan dan tidak berpuas hati dengan perintah pembahagian boleh membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi melalui Pentadbir Tanah/ Penolong Pengarah Pembahagian Pusaka yang membicarakan kes itu dalam tempoh 14 hari dari tarikh perintah/keputusan itu dibuat (Seksyen 29 Akta & Peraturan 10, Harta Pusaka Kecil 1955).
- 14.2 Sekiranya tempoh itu tamat pihak yang merayu hendaklah mendapatkan perintah untuk melanjutkan tempoh rayuan melalui perintah Mahkamah Tinggi sebelum rayuan sebenar dibuat.

15. MELAKSANAKAN PERINTAH PEMBAHAGIAN

- 15.1 Setelah perintah pembahagian dikeluarkan pihak pemohon/waris hendaklah mengemukakan geran tanah/ hakmilik harta tidak alih ke Pejabat Tanah berkenaan supaya nama waris-waris didaftarkan mengikut dalam perintah tersebut.
- 15.2 Untuk membahagikan harta-harta alih pula pihak pemohon/ waris hendaklah mengemukakan perintah pembahagian kepada agensi/institusi yang berkenaan untuk membuat tuntutan.

16. PERMOHONAN BERIKUTNYA

- 16.1 Permohonan yang kedua dan yang berikutnya selepas permohonan kali pertama telah dibicarakan dan telah dikeluarkan perintah pembahagian.
- 16.2 Permohonan ini dengan menggunakan Borang P dan boleh dibuat dalam keadaan-keadaan berikut:-
- 16.2.1 Simati ada harta yang tertinggal yang tidak dimasukkan dalam permohonan awal.
- 16.2.2 Apabila perlu untuk melantik seorang pentadbir baru atau membatalkan pentadbir supaya harta-harta tersebut dibahagi kepada waris-warisnya.
- 16.2.3 Apabila perlu untuk melantik seorang pemegang amanah baru atau membatalkan pemegang amanah bagi menurunkan harta-harta itu kepada waris-waris yang telah dewasa.
- 16.2.4 Untuk membatalkan/menarik balik kawaet pendaftar yang telah dimasukkan dalam perbicaraan awal.

17. BAYARAN-BAYARAN YANG DIKENAKAN

- 17.1 Bayaran Pendaftaran/Permohonan ialah:-

- 17.1.1 Percuma bagi Permohonan Baru (Borang A – Seksyen 8 APPK 1955).
- 17.1.2 Percuma bagi Permohonan Berikutnya (Borang P – Seksyen 17 APPK 1955).
- 17.2 Bayaran perintah berdasarkan nilai terkini harta si mati (seperti senarai harta si mati di Borang Permohonan – Borang A (Seksyen 8, APPK 1955), salinan perintah kali

pertama dibekalkan secara percuma dan bayaran RM 5.00 dikenakan bagi salinan kedua dan seterusnya.

- 17.3 Salinan perintah yang diminta oleh mana-mana orang selain dari Pentadbir Harta/ waris-waris simati ialah RM30.00 untuk salinan pertama dan RM10.00 untuk salinan yang berikutnya.
- 17.4 Rm 30.00 bagi bayaran perintah permohonan berikutnya (Seksyen 17) yang melibatkan permohonan seperti membatalkan Pemegang Amanah, Kaveat Pendaftar ataupun membatalkan Pentadbir. Jika melibatkan ketinggalan harta, bayaran perintah hendaklah mengikut nilai harta terkini yang diselessaikan di dalam permohonan berikutnya (Seksyen 17) sahaja.
- 17.5 Jumlah bayaran bagi mendaftarkan perintah pembahagian dalam hak milik tanah (geran) adalah mengikut peraturan-peraturan tanah negeri.
- 17.6 Bayaran cukai pusaka (*Estate Duty*) bergantung kepada nilai harta pada tarikh mati dan jadual yang ditentukan dalam Enakmen Duti Pusaka 1941, Akta-Akta Kewangan (Duti Pusaka) Tahun 1971, 1979 dan 1980. Tetapi mengikut Akta Kewangan Tahun 1992 (Akta No.476) mana-mana orang yang mati pada 1-11-1992 dan selepasnya tidak dikenakan bayaran duti pusaka.
- 17.7 Bayaran untuk mendapatkan Sijil Carian Rasmi, salinan hakmilik yang diakui sah, carian persendirian bagi hakmilik, kadar bayaran berbeza mengikut Peraturan-Peraturan Tanah Negeri.
- 17.8 Bayaran untuk mendaftarkan perintah dalam geran, kadar bayarannya juga berbeza mengikut negeri dan ada setengah negeri tidak mengenakan sebarang bayaran (percuma).
- 17.9 Sekiranya ada rayuan ke Mahkamah Tinggi bayaran yang akan dikenakan adalah seperti berikut:-

- 17.9.1 Bayaran rayuan ialah RM50.00
- 17.9.2 Bayaran deposit rayuan ialah RM1500.00
- 17.9.3 Bayaran untuk menyediakan salinan pertama Nota Perbicaraan ialah RM 30.00 bagi setiap Folio 100 patah perkataan atau sebahagian daripadanya dan RM 10.00 bagi salinan kedua/seterusnya setiap 100 patah perkataan atau sebahagian daripadanya.

18. SKOP AKTA (PEMBAHAGIAN) PUSAKA KECIL 1955

Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (dulunya Ordinan Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955) merupakan undang-undang utama yang digunakan dalam pengurusan pusaka kecil. Sejak diterima pakai sehingga sekarang, beberapa semakan dan pindaan telah dibuat. Pindaan terhadap pentakrifan pusaka kecil telah mula dibuat pada 23.06.1972 yang menaikkan nilai pusaka kecil dari RM5,000.00 kepada RM10,000.00. Pindaan-pindaan berikutnya melibatkan kenaikan nilai pusaka kecil ke RM25,000.00, RM50,000.00, RM300,000.00, RM600,000.00 pada 01.01.1989 dan akhir sekali RM 2 juta pada akhir 2008. Pindaan ini sejajar dengan kenaikan harga semasa pasaran harta tanah dan peningkatankekayaan rakyat. Semakan menyeluruh Akta telah dibuat pada tahun 2008 dalam usaha menyediakan suatu undang-undang yang kemas dan benar-benar mampu menangani isu semasa pusaka kecil. Beberapa pemansuhan, pindaan dan penambahan kepada peruntukan yang sedia ada akhirnya diluluskan.

Secara keseluruhannya Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 menerangkan takrif pusaka kecil disamping memperjelasan bidang kuasa, proses kerja yang bermula dari permohonan pusaka, perbicaraan, pengeluaran perintah hingga proses rayuan ke Mahkamah Tinggi. Disamping Akta terdapat Peraturan Pembahagian Pusaka yang menggariskan tatacara pelaksanaan dan pemakaian borang-borang dalam urusan penyelesaian pusaka kecil.

Dalam menentukan pembahagian, hukum faraid dipakai bagi harta pusaka orang-orang Islam, manakala Akta Pembahagian 1958 dipakai bagi kematian bukan Islam. Asas hukum faraid adalah berdasarkan Al-Quran dan Hadith, diantaranya Ayat 11, 12 dan 176 dari Surah An Nisa.

Disamping Akta (Pembahagian) Pusaka Kecil, pembahagian pusaka kecil banyak melibatkan pemakaian Akta dan undang-undang lain. Diantaranya ialah:-

- i) Customary Tenure Enactment Cap 215
- ii) Group Settlement Act 1960
- iii) Enakmen Tanah Simpanan Melayu
- iv) Distribution Ordinance Ni 1/58
- v) Estate Duty Enactment 1941
- vi) Public Trustee Ordinance 1949 dan lain-lain.

18.1 Kuasa Pemungut Dalam Menyelesaikan Pusaka kecil

- i) Pentadbir Tanah yang di daerahnya terdapat harta takalih simati mempunyai bidang kuasa untuk menerima dan menyelesaikan permohonan tanpa mengira nilaiannya di daerah mana yang lebih tinggi.
- ii) Kuasa untuk memindahkan permohonan dari satu daerah ke daerah lain diberikan kepada PTG Negeri, manakala pemindahan diantara negeri-negeri adalah dengan kebenaran KPTG. Pentadbir yang mempunyai kuasa eksklusif hendaklah membuat permohonan pemindahan kes.
- iii) Penyediaan nilaiannya tanah simati adalah menjadi tugas Pentadbir Tanah Daerah dimana tanah simati berada.

18.2 Kuasa Mahkamah Tinggi Dalam Menyelesaikan Pusaka Kecil

Mahkamah Tinggi yang mempunyai bidang kuasa eksklusif dalam membahagikan tanah-tanah pusaka berwasiat boleh:-

- i) Mengarahkan permohonan pembahagian pusaka dibuat dibawah Seksyen 8 APPK 1955.
- ii) Memerintahkan mana-mana pemungut meneruskan pembahagian pusaka walaupun harta pusaka yang sedang dibahagikan bukan lagi pusaka kecil mengikut peruntukan Seksyen 5(1) APPK 1955.
- iii) Mahkamah mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk mementerai semula pemberian represenstasi (*grant of representation*) yang dibuat diluar Malaysia walau ianya melibatkan harta pusaka kecil.
- iv) Pendaftar setelah berpuashati bahawa petisyen pembahagian pusaka yang difailkan di Mahkamah Tinggi adalah pusaka kecil, hendaklah memindahkan permohonan tersebut ke Pejabat Tanah/Unit Pembahagian Pusaka. Pentadbir bolehlah mengikut budi bicaranya menganggap seolah-olah permohonan tersebut telah dimasukkan dibawah Seksyen 4 APPK 1995 ataupun mengarahkan satu permohonan baru dimasukkan dibawah Seksyen 8.
- v) Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan pusaka sekiranya simati adalah ahli suatu suku adat di Negeri Sembilan ataupun seorang Bumiputra Sabah, melainkan setelah KPTG memperakui secara bertulis bahawa permohonan tersebut tidak disifatkan sebagai pusaka kecil dibawah APPK 1955.
- vi) Harta pusaka melibatkan tanah adat dan tanah native adalah merupakan pusaka kecil dan Pentadbir mempunyai “*exclusive jurisdiction*” dalam menyelesaikannya.

18.3 Harta Pusaka Yang Sebahagiannya Ditadbirkan

- i) Sekiranya sebelum berkuatkuasanya APPK 1955, satu permohonan pembahagian pusaka telah dibuat di Mahkamah Tinggi dan belum lagi ditadbirkan sepenuhnya, maka permohonan lanjutan boleh dibuat di Mahkamah Tinggi walaupun ianya merupakan harta pusaka kecil.
- ii) Sekiranya permohonan telah dibuat oleh mana-mana pihak berkuasa lain selain Mahkamah Tinggi, dan belum lagi ditadbirkan sepenuhnya, permohonan lanjutan bolehlah dibuat kepada Hakim atau Pendaftar di Negeri berkenaan dan

Pendaftar hendaklah meminta fail bagi prosiding yang terdahulu dan meneruskan penyelesaian seolah-olah ianya bermula di pejabatnya. Sekiranya pada pandangan Pendaftar prosiding berkenaan adalah sukar, maka ia boleh mengarahkan satu petisyen baru dimasukkan samaada di Mahkamah Tinggi atau Pejabat Tanah.

- iii) Sekiranya sebelum berkuatkuasa APPK 1955, permohonan pembahagian telah dibuat dibawah mana-mana undang-undang bertulis terdahulu yang dimansuhkan oleh Akta ini dan belum selesai, maka Pentadbir mempunyai bidang kuasa yang eksklusif untuk meneruskan penyelesaiannya.

19. KESIMPULAN

- 19.1 Permohonan pembahagian pusaka melalui Pejabat Pembahagian Pusaka / Pejabat Tanah adalah murah dan mudah jika dibandingkan dengan pihak berkuasa yang lain. Permohonan pembahagian harta pusaka simati perlu dipercepatkan supaya tidak timbul sebarang masalah di kalangan waris.

LANGKAH UTAMA	PROSES KERJA	RUJUKAN (APPK 1955) AKTA 98
Penerimaan Permohonan	<p>1. Menerima permohonan menggunakan borang "A" daripada permohonan yang layak sama ada:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Ahli waris (beneficiaries) b. Pembeli hutang (creditor) c. Pembeli (purchaser) d. Penghulu/Pegawai Penempatan e. Amanah Raya Bhd. <p>Dokumen sokongan yang perlu disertakan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Bukti kematian <ul style="list-style-type: none"> • Surat mati • Permit pengkebumian • Akuan bersumpah • Perintah Anggapan Kematian b. Salinan hakmilik harta alih dan tak alih. <p>2. Daftar permohonan (sistem eKPTG)</p> <p>3. Mengemukakan borang "B" (Notice of application) ke Mahkamah Tinggi dan mendapatkan jawapan dalam borang "C"</p> <p>4. Menyediakan nilaiann sama ada:-</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Menilaikan sendiri harta tak alih/alih b. Mendapatkan pandangan daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta <p>5. Menyediakan perakuan faraid jika perlu (sistem faraid berkomputer)</p> <p>6. Menentukan bidang kuasa</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Mahkamah tinggi (jika lebih RM 2 juta)-Borang I' b. Meneruskan tindakan c. Memindahkan ke daerah lain (atas permohonan waris) d. Menolak permohonan (jika tiada harta tidak alih/jika ada wasiat bagi bukan Islam) 	S.8(1) S.5(2)(b)(c) S.7(1) dan P.3(1) S.8(1) S.18(1) S.108 Akta Keterangan 1950 S.8(2) S.8(3) P.3 S.8(5) S.8(7),(8) dan (9) P.5(1) P.5(2)

Memanggil Perbicaraan	<p>1. Mengeluarkan notis perbicaraan dalam borang "D" sekurang kurangnya 15 hari sebelum tarikh bicara, kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Waris • Orang berkepentingan • Tempat awam • Saksi <p>2. Mengeluarkan notis dalam borang "DD" kepada pihak yang gagal hadir ke dalam perbicaraan</p> <p>3. Penyerahan notis sama ada:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Serahan tangan • Pre-paid registered post <p>4. Kegagalan menyerah notis tidak menjadikan perbicaraan tidak Sah.</p>	S.9 P.4(3) S.174 dan 175 Penal Code P.6 S.9
Perbicaraan	<p>1. Melantik penjaga berdasarkan undang-undang diri dan adat (personal law or custom) bagi:-</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Waris belum dewasa b. Tidak sempurna akal (unsound mind) <p>2. Tempat perbicaraan</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Dimana-mana tempat dalam daerah yang memberi keselesaan kepada waris b. Tempat terbuka (open and public place) c. Di atas atau berhampiran tanah <p>3. Merekodkan dengan bertulis keterangan saksi-saksi yang hadir dan membenarkan pemeriksaan balas (cross-examination) oleh mana-mana orang yang hadir yang berkepentingan di atas harta pusaka dan juga penjaga yang dilantik. Keterangan hendaklah secara bersumpah atau pengakuan (oath or affirmation).</p> <p>4. PTD boleh mengikut budi bicaranya memeriksa sebagai saksi mana-mana orang yang didapati boleh memberi keterangan yang berkaitan.</p> <p>5. PTD hendaklah juga membenarkan mana-mana orang yang hadir</p> <p>6. PTD boleh memanggil hadir penghulu yang difikirkanya boleh memberi keterangan mengenai simati dan harta simati dan ianya boleh diperiksa (examine) sebagai saksi.</p>	S.10 S.11 S.12(1) s.12(2)

	<p>7. Meminta keterangan apabila perlu untuk menentukan undang-undang agama atau adat yang terpakai terhadap penurunan harta simati</p> <p>8. Menentukan jumpah duti harta pusaka, belanja pengkebumian dan hutang-hutang simati jika ada.</p> <p>9. Menimbangkan tuntutan mana-mana pembeli</p> <p>10. Memutuskan mengikut cara sepatutnya, undang-undang yang terpakai terhadap penurunan harta pusaka simati, dan hendaklah memutuskan siapa mengikut undang-undang tersebut berhak menerima pusaka dan bahagian yang diterimanya.</p> <p>11. Menangguhkan perbicaraan dan menetapkan tempat yang Berlainan.</p> <p>12. Sebelum membuat perintah pembahagian, perbicaraan boleh dibuka semula bagi tujuan mendapatkan keterangan tambahan/lanjutan jika diarahkan oleh Pengarah Tanah dan Galian.</p> <p>13. Sekiranya Pemungut (PTD) yang sedang atau telah menjalankan perbicaraan mati, tidak upaya, bertukar atau sebab-sebab lain, mana-mana pemungut boleh menyambung perbicaraan.</p>	S.12(4) S.12(5) S.12(6) S.12(7) S.12(8) S.12(9) S.12(10)
Perintah Pembahagian	<p>1. Di akhir perbicaraan menentukan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Duti harta pusaka b. Belanja pengkebumian c. Hutang simati d. Pembayaran balik apa-apa bayaran atau fee yang didahulukan oleh mana-mana orang. <p>2. Memerintahkan harta simati dijual bagi pembayaran 1 di atas dan baki harga jualan dibahagikan kepada orang.</p> <p>3. Menentukan bahagian Baitumal</p> <p>4. Meletak hak bahagian waris bawah umur dan tidak upaya atas nama pemegang amanah (trustee) dan memasukkan kavaet.</p> <p>5. Melantik Pentadbir (administrator) dalam keadaan-keadaan Tertentu.</p> <p>6. Meletak hak kepada pembeli.</p>	S.13

	<p>7. Meletak hak kepada pegawai pemegang harta sebagai pentadbir bagi harta yang tidak dapat diselesaikan (insolvent estates)</p> <p>8. Mengistiharkan pertelingkahan sampingan (collateral disputes) dan memutuskan pertelingkahan tersebut sebelum mengeluarkan perintah pembahagian.</p>	S.14
Kuasa Pemungut dalam Pembahagian Pusaka	<p>1. Membahagikan harta simati mengikut perstujuan waris-waris, melainkan persetujuan berkenaan tidak adil pada pandangan pemungut.</p> <p>2. Pembahagian bagi permohonan yang mempunyai ramai waris boleh dibuat sebagaimana berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Memperakukan lot berasingan bagi setiap individu b. Memperuntukkan lot berasingan untuk 2 atau lebih waris sebagai pemilik bersama (co-proprietors) atau "tenant in common" c. Mengarahkan pecahan bahagian dibuat berdasarkan bahagian setiap waris dan waris dikehendaki menjelaskan yuran survey <p>3. Bagi mengelakkan pemecahan tanah kepada lot-lot kecil, Pemungut atas budi bicara boleh:-</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Memerintahkan bahagian waris yang terlalu kecil diberikan kepada waris lain dengan dibayar harga bahagian tersebut. b. Memerintahkan bahagian waris yang nilai harga terlalu kecil diserah kepada waris lain dan bahagian tersebut dibayar c. Memerintahkan kesemua atau sebahagian tanah dijual d. Memerintahkan tanah dijual secara tender dikalangan waris dan hasil jualan dibahagikan. 	S.15 S.15(3) S.15(4)

Pengeluaran Perintah Pembahagian	<p>1. Perintah disediakan di akhir perbicaraan dan dikeluarkan selepas 14 hari tempoh rayuan menggunakan borang "E".</p> <p>2. Memasukkan kaveat pendaftar bagi menjaga kepentingan waris belum dewasa dan tidak sempurna akal.</p> <p>3. Pemungut boleh mengarahkan wang yang perlu dibayar kepada seseorang berkaitan pembahagian harta pusaka didepositkan di Pejabat Amanah Raya Bhd. Sekiranya didapati:-</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Orang berkenaan tidak ketahui tempat tinggalnya. b. Orang berkenaan enggan menerima pembayaran berkenaan c. Orang berkenaan hilang keupayaan undang-undang d. Lain-lain alasan dimana tidak praktikal pembayaran dibuat kepada orang berkenaan 	S.16
Permohonan Berikutnya	<p>1. Dibuat menggunakan borang "P" bagi tujuan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Pembahagian harta-harta simati yang tertinggal dalam permohonan awal. b. Membatalkan perlantikan pentadbir atau melantik pentadbir baru. c. Melantik pemegang amanah yang berikutan kematian atau trustor yang telah dewasa. d. Membuat apa-apa perintah lanjutan atas perintah awal yang telah dikeluarkan <p>2. Notis perbicaraan – Borang S</p> <p>3. Perintah pembahagian dalam borang T</p>	S.17 P.12
Rayuan	<p>1. Mana-mana pihak yang tidak berpuashati di atas sebahagian atau keseluruhan perintah Pemungut bolehlah merayu ke Mahkamah Tinggi dalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan Dikeluarkan.</p> <p>2. Keputusan Mahkamah Tinggi adalah muktamad dan tidak lagi boleh dirayu.</p>	S.29
Rujukan	<p>1. Rujukan atas masalah undang-undang dan adat berkaitan tuntutan di bawah akta boleh dibuat:-</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Berkaitan Agama Islam dan adat Melayu kepada Raja sesebuah negeri (Ruler of The State) atau orang atau badan yang diberi kuasa. b. Perkara lain kepada Mahkamah Tinggi. 	S.19



Borang A
[Peraturan 3(1)]
MALAYSIA

NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN:
DAERAH KUALA LUMPUR
AKTA HARTA PUSAKA KECIL (PENBAHAGIAN) 1955
GUAMAN PEMBAHAGIAN NO. TAHUN 20.....

Dalam hal Harta Pusaka si mati
Petisyen darinada yang beraalamat
di (. alamat surat menyurat.)

PERMINTAAN DI BAWAH SEKSYEN 8

Saya (. Nama Pemohon) , pemohon yang dinamakan di atas menyatakan seperti
yang berikut:

1. Nama yang tersebut di atas (. Nama Simati) pada atau lebih kurang pada (. tarikh mati.)
(tempat kematian) 20..... haribulan

2. Saya adalah orang yang mempunyai kepentingan dalam harta pusaka tersebut sebagai
Benefisair/Pemutung/Pembayar Pentadbir Pusaka/Pegawai Penempatan/Penghulu/Penggawa
bagi mukim (. Pertalian saya dengan si mati ialah (. isteri/suami/anak,).....)

3. Sepanjang yang saya ketahui dan percaya si mati ada meninggalkan (. satu atau dua.)
orang baliu/seorang duda yang bernama (. nama baliu.) dan waris kadiim seperti berikut:

Nama	No. K/P	Umur	Alamat	Pertalian dengan si mati
1. Nama ibu dan bapa	(jika masih hidup) anak lelaki berhak	dan anak	perempuan	
2. Nama suami/isteri, 3. Lain-lain waris yang				

4. Si mati pada tarikh kematianya memiliki harta yang berikut:

A - HARTA TAK ALIH

Perihalan hutang	Amaun	Nama dan alamat penghitung
Orang atau syarikat yang berhutang dengan si mati		
5. Si mati pada tarikh kematianya berhutang seperti yang berikut:		
Butir-butir hutang	Jumlah	Nama dan alamat pemutang
Hutang si mati yang belum dijelaskan		
6. Si mati meninggalkan waris yang berikut yang berhak kepada suatu bahagian daripada harta pusakanya:		

Perihalan hutang	No. K/P	Umur	Alamat	Pertalian dengan simati
Nama suami/isteri, anak lelaki dan anak perempuan kepada mana-mana waris di ruangan 3 yang telah meninggal dunia				

7. Saya memohon supaya harta pusaka si mati boleh dibahagikan mengikut cara yang diperuntukkan dalam Bahagian II Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955.
8. Sepanjang pengetahuan saya, tiada permohonan yang terdahulu untuk pembahagian harta pusaka si mati telah dibuat oleh mana-mana orang dan saya sesungguhnya membuat pengakuan ini dengan kepercayaan bahawa butir-butir yang diberikan di atas adalah benar dan dengan menurut peruntukan kuasa Akta Akuan Berkanan 1960.
Bertarikh di xx pada xx hari bulan 20 xx.....
Ditandatanganai dan dengan sebenar-benarnya Diakui oleh yang tersebut namanya di atas (Nama pemohon) di bertarikh pada xx hari bulan 20 xx..
Di hadapan: t.t.

Tandatangan pemohon/Pempetyenyen

Perihalan harta alih	Nilai anggaran
1. BBMB (No. A/K:)	R.M.
2. ASB (No. Ahli:)	R.M.
3. Proton Wira (No. Pendaftaran:)	R.M.

B- HARTA ALIH

No. Hakmilik	No. Lot	Daerah	Mukim	Nilai anggaran
1. H5(M) 111	2000	Kuala Lumpur	Kuala Lumpur	RM100,000.00

(Alamat harta sekiranya rumah pangaspuri atau flat dan belum ada hakmilik/geran)

Kepada:
PENTADBIR TANAH DAERAH/PEMUNGUT
PEGAWAI DAERAH/PEGAWAI TADBIR SARAWAK

C- HUTANG YANG KENA DIBAYAR KEPADA SI MATI

Perihalan hutang	Amaun	Nama dan alamat penghitung
Orang atau syarikat yang berhutang dengan si mati		

Perihalan hutang	No. K/P	Umur	Alamat	Pertalian dengan simati
5. Si mati pada tarikh kematianya berhutang seperti yang berikut:				
Butir-butir hutang	Jumlah	Nama dan alamat pemutang		
Hutang si mati yang belum dijelaskan				

Perihalan hutang	No. K/P	Umur	Alamat	Pertalian dengan simati
6. Si mati meninggalkan waris yang berikut yang berhak kepada suatu bahagian daripada harta pusakanya:				

Perihalan hutang	No. K/P	Umur	Alamat	Pertalian dengan simati
7. Saya memohon supaya harta pusaka si mati boleh dibahagikan mengikut cara yang diperuntukkan dalam Bahagian II Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955.				
8. Sepanjang pengetahuan saya, tiada permohonan yang terdahulu untuk pembahagian harta pusaka si mati telah dibuat oleh mana-mana orang dan saya sesungguhnya membuat pengakuan ini dengan kepercayaan bahawa butir-butir yang diberikan di atas adalah benar dan dengan menurut peruntukan kuasa Akta Akuan Berkanan 1960.				
Bertarikh di xx pada xx hari bulan 20 xx.....				
Ditandatanganai dan dengan sebenar-benarnya Diakui oleh yang tersebut namanya di atas (Nama pemohon) di bertarikh pada xx hari bulan 20 xx..				
Di hadapan: t.t.				

Perihalan hutang	No. K/P	Umur	Alamat	Pertalian dengan simati
9. Si mati pada tarikh kematianya memilih harta yang berikut:				

Tandatangan pemohon/Pempetyenyen

Majistret/Pesuruhjaya Sumpah



Borang P
[Peraturan 12(1)]
MALAYSIA

NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN,
DAERAH KUALA LUMPUR

AKTA HARTA PUSAKA KECIL (PEMBAHAGIAN) 1955
GUJAMAN PEMBAHAGIAN NO. (Fail awal)....., TAHUN 20.....

Dalam hal Harta Pusaka(Nama Simpati)..... si mati
Petrosen daripada(Nama Pemohon Awal, seperti didalam Borang A).....
yang beralamat di(alamat surat menyurat pemohon awal).....

PERMOHONAN BERIKUTNYA
(Seksyen 17)

BAHAWASANYA pada haribulan20..... suatu perintah telah dibuat dalam hal ini
bahawa (1) (masukkan perintah dahulu atau salinan perintah dahulu dilampirkan)

DAN BAHAWASANYA adalah menjadi perlu untuk (2)

Masukkan tujuan permohonan berikutnya, contohnya:
batal pemegang amanah, tantik pentadbir baru, harta ketinggalan,
menarik balik kaveat

Saya(Nama pemohon untuk permohonan berikut).....
yang beralamat di(alamat surat menyurat).....
Memohon kepada (3)(Pentadbir Tanah)..... bagi Daerah tersebut
di(nama daerah)..... bagi (4)

Masukkan perintah yang dikehendaki contohnya:

batal pemegang amanah dan turunmilk terus kepada waris, lantik
pentadbir baru , harta ketinggalan diturunmilk kepada waris mengikut
faraid / Akta Pembahagian 1/58)

Diperbuat pada Haribulan20

.....
Pemohon

- (1) Masukkan perintah dahulu berkeraan permohonan yang di buat
(2) Masukkan apa perintah yang dikehendaki misalnya melantik pemegang amanah baru,
pentadbir baru, menarik balik kaveat dll
(3) Masukkan Permugut Hasil Tanah/Pegawai Daerah/Pegawai Tadbir Serawak mengikut
kehendak dan keadaan.
(4) Masukkan jenis perintah yang diminta

BORANG P
(Peraturan 12(1))
MALAYSIA

Negeri
Daerah

AKTA HARTA PUSAKA KECIL (PEMBAHAGIAN) 1955
GUAMAN PEMBAHAGIAN NO Tahun 20

Dalam Harta Pusaka simati
Petisyen daripada yang beralamat
di

PERMOHONAN BERIKUTNYA
(Seksyen 17)

BAHAWASANYA pada haribulan 20 suatu perintah telah
dibuat dalam hal ini iaitu (1)

DAN BAHAWASANYA adalah mustahak di (2)

Saya,
yang beralamat di
memohon kepada Pemungut bagi Daerah
yang tersebut supaya (3)

Diperbuat pada haribulan 20

.....
Pempetisyen/Pemohon

-
- (1) Masukkan perintah yang dahulu yang berkenaan dengan permohonan ini.
 - (2) Masukkan apa yang dikehendaki misalnya, dilantik pemegang amanah baru, pentadbir baru, ditarik balik cavet dsb.
 - (3) Masukkan apa perintah yang dikehendaki.

LAMPIRAN 2

(Mahkamah 390 — Pin. 1/93)

PROBET DAN PENTADBIRAN
NOTIS PERMOHONAN

1. Nama si mati
Nama lain (jika ada)
2. No. Kad Pengenalan si mati
3. No. Kad Pengenalan Mutu Tinggi si mati (jika ada)
4. Tarikh mati
5. Nombor petisyen dan Mahkamah
6. Nama dan hak pempetisyen

Tarikh

Pendaftar/PKP/PTD/PPK

JD102293—PNMB, K.L.

PROBET DAN PENTADBIRAN
NOTIS PENGETUAAN GERAN

1. Nama si mati
Nama lain (jika ada)
2. No. Kad Pengenalan si mati
3. No. Kad Pengenalan Mutu Tinggi si mati (jika ada)
4. Tarikh mati
5. Nombor petisyen dan Mahkamah
6. Tarikh yang Geran dikeluarkan/Perintah Pembahagian dibuat
7. Nama dan hak orang yang geran dikeluarkan atau Perintah Pembahagian dibuat membiak kepadanya

Tarikh

Pendaftar/PKP/PTD/PPK